

Seminar tarik minat berniaga

KULIM - Bagi memastikan graduan mempunyai pekerjaan selepas tamat belajar, Universiti Kuala Lumpur Malaysia Spanish Institute (Unikl MSI) mengadakan kursus perniagaan dan keusahawanan untuk penuntut universiti berkenaan.

Koordinator program, Munawir Ridzwan berkata,

usaha untuk melahirkan graduan berjaya dan berkejarja terus diperhebat dengan mengadakan pelbagai kursus, terutama perniagaan dan keusahawanan.

Menurutnya, kursus itu mampu membuka minda dan memberi pendedahan kepada penuntut apabila memasuki dunia pekerjaan nanti.

"Kita dengar ramai penuntut menganggur, tak ada kerja yang sesuai. Ini yang kita mahu elakkan. Kita telah adakan pelbagai seminar keusahawanan supaya mereka tidak bergantung kepada makan gaji saja dan terlibat dengan perniagaan.

"Kali ini kita telah adakan seminar mendedahkan penuntut bagaimana nak rancang perniagaan selingga berjaya," katanya.

Menurut Munawir, ramai bekas penuntut telah menjadi usahawan

berjaya dan semakin berkembang walaupun ada kesukaran.

"Alhamdulillah, setakat ini seminar begini sangat berguna apabila ramai bekas penuntut kita berjaya menjadi usahawan dan tidak takut untuk mencuba.

"Kita harap mereka dapat bantu penuntut yang baru tamat belajar serta berkongsi idea dan pandangan supaya tak ada lagi masalah lepasan universiti menganggur terutama penuntut Unikl MSI," katanya.

Tambah Munawir, pihaknya akan terus mengadakan pelbagai program berkonsepkan keusahawanan bagi menarik penuntut menceburi bidang tersebut.

"Kita akan atur lebih banyak program sebegini termasuk bekerjasama dengan alumni berjaya serta mengadakan jualan dan pelbagai aktiviti untuk menarik minat penuntut jadi usahawan," katanya.



Munawir (tengah) bersama peserta Seminar Keusahawanan Rancangan Perniagaan yang diadakan bagi menarik minat penuntut Unikl MSI untuk menceburi bidang keusahawanan.